

Oleh Nurul 'Aniqah  
Sazale  
[bhvarsiti@bh.com.my](mailto:bhvarsiti@bh.com.my)

► Kuala Lumpur

Mahasiswa mempunyai saluran yang mencukupi untuk memperjuangkan kepentingan mereka atau menyuarakan pendapat dalam hal berkaitan kene-garaan, politik mahupun isu antarabangsa.

Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran, berkata pihak universiti tidak menghalang mahasiswa untuk bersuara, namun perlu diingatkan setiap universiti awam

# Guna saluran betul untuk bersuara

mempunyai peraturan yang perlu dipatuhi.

Seperti tertakluk dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), katanya, selagi mahasiswa mematuhi, mereka tidak akan berdepan dengan sebarang tindakan universiti.

"Apa yang penting, mereka perlu melalui me-

dium sepatutnya, iaitu berhubung rapat dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar kerana universiti sentiasa berusaha untuk membantu mahasiswa.

"Yang menjadi masalahnya apabila ada segelintir mahasiswa memberikan pandangan dengan menggunakan perkataan



Prof Mohamad Shatar

yang 'kurang sedap' untuk didengari, tidak kritikal dan jelas memihak kepada pihak tertentu saja," katanya.

## Persepsi sendiri

Prof Mohamad Shatar berkata, setiap pendapat atau pandangan perlulah benar serta tepat dan elak-

kan daripada menyatakan sesuatu berdasarkan persepsi sendiri semata-mata.

Katanya, pengurusan universiti bukan mahu menekan dan melarang mahasiswa daripada bersuara tetapi mahu membantu agar mereka menjadi graduan serba boleh.

"Berfikir secara rasional sebelum bertindak kerana kesalahan yang kecil boleh memberi implikasi serta kesan negatif kepada diri sendiri dan nama universiti.

"Gunakan kelebihan yang ada termasuk kebijaksanaan minda dan kematan- gan pengalaman menerusi pergaulan sesama pelajar, kakitangan universiti dan pihak di luar kampus selain memahami tujuan sebenar mereka berada di universiti," katanya.